

Butiran Penyedia Produk

Great Eastern Labuan Company Limited (LL21624), Penanggung Insurans Hayat Labuan dan Penanggung Insurans Semula Labuan (IS2025242) yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 ("Great Eastern", "Syarikat", "Kami", "Pihak Kami", "Kami") ialah penyedia produk dan penaja jamin bagi polisi ini. Produk ini hanya diedarkan melalui wakil kami atau pengedar yang dilantik sahaja. Pelanggan boleh menghubungi Kami untuk sebarang pertanyaan.

Butiran perhubungan: Office Unit 4(A), Main Office Tower, Financial Park Complex Labuan, Jalan Merdeka, 87000, Wilayah Persekutuan Labuan.

Tel: +603 4813 3048

Laman sesawang: www.greateasternlife.com/labuan

E-mel: wecare-labuan@greateasternlife.com

Penerangan Produk

Prestige Heritage Index ialah polisi universal life tanpa penyertaan dalam keuntungan dengan premium fleksibel dalam nilai dolar Amerika Syarikat (AS). Ia menawarkan perlindungan insurans hayat bagi kematian dan penyakit terminal (membawa maut), serta peluang pengumpulan nilai tunai. Premium kasar selepas ditolak caj premium yang berkenaan ("Premium Bersih") akan diagihkan pada akaun berikut berdasarkan metodologi kadar kredit yang berbeza:

- (a) Akaun Tetap dengan kadar kredit semasa, seperti diisytiharkan Kami, tertakluk pada kadar kredit minimum yang dijamin; dan
- (b) Akaun Indeks dengan kadar kredit berdasarkan prestasi Indeks sandaran dan kadar siling bagi segmen berkenaan. Terdapat kadar pulangan minimum dijamin sebanyak 0% setahun. Ini bermakna jika pulangan pelaburan negatif, kadar kredit akaun indeks tidak akan kurang daripada sifar.

Pelan ini mempunyai ciri Nilai Serahan Minimum, yang menjamin apabila anda menyerahkan polisi, nilai serahan anda tidak akan kurang daripada Nilai Serahan Minimum. Polisi ini tidak mempunyai tarikh matang dan akan kekal berkuat kuasa selagi Nilai Serahan Bersih adalah positif.

Berikut adalah ringkasan produk dan anda dinasihatkan untuk merujuk butiran serta terma dan syarat lanjut dalam kontrak polisi.

Manfaat Produk**1. Manfaat Kematian**

Jika Hayat yang Diasuranskan meninggal dunia sebelum ulang tahun polisi selepas hari jadi ke-121 bagi Hayat yang Diasuranskan, Kami akan membayar:

- (a) jumlah asurans asas; atau
- (b) Nilai Akaun, mana yang lebih tinggi, ditolak sebarang tunggakan hutang.

Jika Hayat yang Diasuranskan meninggal dunia pada atau selepas ulang tahun polisi selepas hari jadi ke-121 bagi Hayat yang Diasuranskan, Kami akan membayar Nilai Akaun selepas ditolak sebarang tunggakan hutang (dengan syarat nilai tersebut melebihi sifar).

Sila rujuk seksyen Nilai Akaun bagi maklumat lanjut.

2. Manfaat Penyakit Terminal (Membawa Maut)

Kami akan membayar manfaat kematian bagi diagnosis muktamad terhadap sebarang keadaan akibat penyakit atau kecederaan, apabila pada masa tuntutan serta selepas semua rawatan perubatan yang munasabah, Hayat yang Diasuranskan dijangka hidup tidak melebihi dua belas (12) bulan.

Pengamal perubatan pakar yang merawat keadaan tersebut mestilah menyediakan:

- (i) Bukti sokongan berkenaan keadaan tersebut;
- (ii) Rawatan perubatan yang sesuai;

- (iii) Prognosis selepas menjalani rawatan perubatan yang sesuai;
- (iv) Pengesahan bahawa Hayat yang Diasuranskan dijangka hidup tidak melebihi dua belas (12) bulan selepas menjalani semua intervensi perubatan yang sesuai.

Kami berhak melantik pakar perubatan bebas yang mahir dalam keadaan tersebut bagi mengesahkan diagnosis dan prognosis.

Manfaat penyakit terminal (membawa maut) keseluruhan yang boleh dibayar terhadap pada \$20,000,000 di bawah polisi ini dan semua polisi serta rider yang dikeluarkan Syarikat bagi Hayat yang Diasuranskan yang sama dengan manfaat serupa. Bagi polisi dan rider yang dikeluarkan di bawah taja jamin bernilai bersih tinggi, seperti ditakrifkan di bawah Garis Panduan Perniagaan Insurans Hayat yang Dibenarkan dengan Individu Bernilai Bersih Tinggi Malaysia, had kecil sebanyak \$7,500,000 dikenakan atas Hayat yang Diasuranskan yang sama. Amaun yang dinyatakan adalah berdasarkan nilai mutlak dalam dolar, tanpa mengira mata wang.

Jika manfaat penyakit terminal (membawa maut) tidak dibayar sepenuhnya disebabkan had tersebut, polisi ini tidak akan ditamatkan dan jumlah asurans asas serta Nilai Akaun akan dikurangkan sewajarnya. Nilai Akaun akan dikurangkan berdasarkan susunan berikut:

- (a) Akaun Tetap, diikuti dengan;
- (b) Akaun Pegangan, diikuti dengan;
- (c) Semua Segmen, secara pro-rata.

Polisi akan kekal berkuat kuasa dengan jumlah asurans asas dan Nilai Akaun yang dikurangkan bagi perlindungan manfaat kematian.

“Segmen” merujuk pada komponen Akaun Indeks. Setiap Segmen diwujudkan pada “Tarikh Permulaan Segmen” yang berkenaan (16hb bagi setiap bulan kalendar) dan matang pada “Tarikh Matang Segmen” (15hb bagi bulan yang sama pada tahun berikutnya). Sila rujuk seksyen Akaun Indeks pada “Nilai akaun dan kadar kredit” di bawah seksyen Nilai Akaun dan Penyebaran Premium Automatik pada “Premium” bagi maklumat lanjut.

3. Bilakah anda tidak akan menerima manfaat bagi pelan ini?

Terdapat keadaan tertentu apabila Kami tidak akan membayar manfaat di bawah pelan ini.

- **Manfaat Kematian**
Kami tidak akan membayar manfaat jika Hayat yang Diasuranskan meninggal dunia akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Permulaan Risiko atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula, mana yang kemudian. Kami akan membayar balik amaun premium keseluruhan yang telah dibayar dan penambahan premium tunggal yang diterima, ditolak sebarang penarikan balik sebahagian yang dibuat serta sebarang tunggakan hutang. Polisi akan ditamatkan selepas pembayaran dibuat.
- **Manfaat Penyakit Terminal (Membawa Maut)**
Kami tidak akan membayar sebarang manfaat jika Hayat yang Diasuranskan mempunyai jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV).

4. Jaminan Tidak Luput

Semasa tempoh lima (5) tahun polisi pertama, pelan ini menawarkan Jaminan Tidak Luput. Jika Nilai Serahan Bersih (nilai serahan ditolak sebarang tunggakan hutang) menjadi sifar atau kurang, polisi ini tidak akan luput dengan syarat:

- (a) tiada penarikan balik sebahagian dibuat;
- (b) tiada pengurangan jumlah asurans asas dibuat;
- (c) tiada pinjaman polisi diambil;
- (d) tiada perubahan pada Hayat yang Diasuranskan dari tarikh Kami mengeluarkan polisi; dan
- (e) semua premium sasaran telah dibayar sehingga terkini dalam tempoh Jaminan Tidak Luput.

Jika syarat-syarat di atas tidak dipenuhi, Jaminan Tidak Luput akan dihentikan secara automatik.

Jika Nilai Serahan Bersih menjadi sifar atau kurang semasa tempoh Jaminan Tidak Luput, Kami akan terus menolak sebarang yuran polisi dan sebarang caj insurans, secara kolektifnya dikenali sebagai “Penolakan Bulanan” dan akan dianggap sebagai hutang kepada Kami. Jika terdapat tuntutan kematian atau penyakit terminal (membawa maut) dalam tempoh Jaminan Tidak Luput, hutang kepada Kami akan ditolak daripada manfaat kematian atau penyakit terminal (membawa maut).

Polisi ini akan luput bagi sebarang keadaan berikut yang lebih awal:

- apabila Jaminan Tidak Luput telah dihentikan atau luput dan Nilai Serahan Bersih menjadi sifar atau kurang; atau
- apabila amaun pinjaman polisi dan caj faedah (jika ada) bagi amaun pinjaman polisi melebihi Nilai Serahan.

Jika polisi luput dan kemudiannya dikuatkuasakan semula, sebarang baki Tempoh Jaminan Tidak Luput tidak akan disambung semula selepas penguatkuasaan semula.

Pilihan Fleksibel

1. Penarikan Balik Sebahagian dan Caj Penarikan Balik Sebahagian

Anda boleh membuat penarikan balik sebahagian daripada polisi anda pada bila-bila masa selepas polisi berkuat kuasa. Caj penarikan balik sebahagian akan dikenakan bagi penarikan balik sebahagian yang dibuat dalam tempoh lapan belas (18) tahun polisi pertama.

Bagi sebarang penarikan balik sebahagian yang dibuat dalam tempoh sepuluh (10) tahun polisi pertama, jumlah asurans asas dan Nilai Akaun akan dikurangkan mengikut amaun penarikan balik sebahagian dan caj penarikan balik sebahagian yang berkenaan.

Bermula tahun polisi yang kesebelas (ke-11) dan selanjutnya, anda boleh membuat penarikan balik sebahagian sehingga 5% dari Nilai Akaun pada permulaan setiap tahun polisi (“Had Tahunan Penarikan Balik Sebahagian Percuma”) tanpa caj penarikan balik sebahagian dikenakan dan penarikan balik tersebut tidak akan mengurangkan jumlah asurans asas.

Jika amaun penarikan balik sebahagian melebihi had tersebut, pengurangan jumlah asurans asas dan caj penarikan balik sebahagian yang berkenaan akan dikenakan bagi amaun penarikan balik sebahagian yang melebihi Baki Had Tahunan Penarikan Balik Sebahagian Percuma. Nilai Akaun juga akan dikurangkan mengikut amaun penarikan balik sebahagian dan caj penarikan balik sebahagian (jika berkenaan).

“Baki Had Tahunan Penarikan Balik Sebahagian Percuma” merujuk pada 5% daripada Nilai Akaun pada permulaan setiap tahun polisi dari tahun polisi kesebelas (ke-11) dan selanjutnya, ditolak amaun keseluruhan yang dikeluarkan menggunakan ciri penarikan balik sebahagian bagi tahun polisi tersebut (jika ada), tertakluk pada minimum sifar.

Caj penarikan balik sebahagian dikira seperti berikut:

$$\text{Caj Serahan} \times \frac{\text{Amaun penarikan balik sebahagian} - \text{Baki Had Tahunan Penarikan Balik Sebahagian Percuma}}{\text{Nilai Akaun Sebelum Penarikan Balik Sebahagian} - \text{Baki Had Tahunan Penarikan Balik Sebahagian Percuma} - \text{Caj Serahan, jika berkenaan}}$$

Kami akan menolak amaun penarikan balik sebahagian dan sebarang caj penarikan balik sebahagian berdasarkan susunan berikut:

- Akaun Tetap, diikuti dengan;
- Akaun Pegangan, diikuti dengan;
- Semua Segmen, secara pro-rata.

Syarat berikut mestilah dipatuhi bagi sebarang penarikan balik sebahagian:

- (a) amaun penarikan balik sebahagian sekurang-kurangnya USD 1,000;
- (b) baki Nilai Akaun selepas ditolak amaun penarikan balik sebahagian dan sebarang caj penarikan balik sebahagian sekurang-kurangnya USD 5,000; dan
- (c) jumlah asurans asas disemak semula selepas penarikan balik sebahagian sekurang-kurangnya USD 500,000.

Sebarang amaun Baki Had Tahunan Penarikan Balik Sebahagian Percuma yang tidak digunakan dalam tahun tersebut tidak akan dibawa ke tahun polisi berikutnya.

2. Serahan dan Caj Serahan

Anda boleh memohon untuk menyerahkan polisi pada bila-bila masa selepas tempoh pemerhati bebas. Apabila Kami menerima permohonan anda, Kami akan membayar perkara berikut:

- (a) Nilai Akaun ditolak sebarang caj serahan; atau
- (b) Nilai Serahan Minimum

mana yang lebih tinggi, sebagai nilai serahan.

Sebarang tunggakan hutang kepada Kami akan ditolak daripada nilai serahan yang berkenaan dan Kami akan membayar baki jumlah tersebut ("Nilai Serahan Bersih").

Nilai Serahan Minimum

"Nilai Serahan Minimum" dikira dengan menolak caj serahan yang berkenaan dari nilai yang diperoleh berdasarkan perkara berikut:

Pengumpulan Premium Bersih yang diterima bersama faedah terkumpul secara harian pada 2.00% setahun dari tarikh Kami mengeluarkan polisi, ditolak Penolakan Bulanan yang berkenaan, sebarang amaun penarikan balik sebahagian dan sebarang caj penarikan balik sebahagian. Bagi pengiraan ini, kadar kredit sebenar, kadar kredit kesetiaan dan peruntukan premium tidak diambil kira.

Bagi tujuan pengiraan Nilai Serahan Minimum, caj insurans dan sebarang caj penarikan balik sebahagian akan dikira berdasarkan nilai yang diperoleh daripada pengiraan di atas, sebelum ditolak caj serahan yang berkenaan.

Nilai Serahan Minimum mungkin meningkatkan amaun Nilai Serahan Bersih dan tempoh polisi kekal berkuat kuasa, tetapi ia tidak akan meningkatkan amaun yang tersedia untuk penarikan balik sebahagian dan pinjaman atau menjejaskan Nilai Akaun.

Caj serahan akan dikenakan jika anda menyerahkan polisi dalam tempoh lapan belas (18) tahun polisi pertama.

Caj serahan ialah jumlah asurans asas yang didarab dengan kadar caj serahan (berdasarkan setiap USD 1,000 jumlah asurans asas) mengikut tahun polisi apabila polisi diserahkan, seperti ditunjukkan dalam ilustrasi manfaat.

3. Apakah kesan serahan awal?

Pembelian polisi insurans hayat merupakan komitmen jangka panjang, penamatan awal polisi biasanya melibatkan kos dan Nilai Serahan Bersih yang tinggi, jika ada, yang boleh dibayar kepada anda mungkin adalah sifar atau kurang daripada jumlah premium yang telah dibayar.

Sila rujuk jadual penolakan dalam ilustrasi manfaat bagi kemungkinan kos untuk serahan pelan lebih awal.

Premium

1. Premium Sasaran

"Premium Sasaran" ialah amaun tetap yang anda rancang untuk bayar semasa tempoh pembayaran premium yang dipilih. Anda perlu membayar Premium Sasaran permulaan seperti ditunjukkan dalam

ilustrasi manfaat sebelum polisi dikeluarkan. Pembayaran premium seterusnya boleh dibuat pada bila-bila masa dalam sebarang amaun, tertakluk pada kelulusan Pihak Kami. Pembayaran premium akan diterima selagi jumlah premium keseluruhan yang diterima adalah kurang atau bersamaan Premium Sasaran keseluruhan.

Jika Nilai Akaun mencukupi untuk membuat Penolakan Bulanan, pembayaran Premium Sasaran seterusnya boleh dibuat mengikut budi bicara anda. Namun, amaun sebenar dan jenis pembayaran premium akan mempengaruhi Nilai Akaun yang diunjurkan bagi polisi anda.

2. Pengagihan Premium

Semua Premium Bersih akan diagihkan pada Akaun Tetap dan Akaun Indeks berdasarkan pengagihan premium seperti arahan anda semasa Kami mengeluarkan polisi.

Terdapat 4 pilihan pengagihan premium yang tersedia:

Pilihan	% pengagihan pada Akaun Tetap	% pengagihan pada Akaun Indeks
1	0%	100%
2	25%	75%
3	50%	50%
4	100%	0%

3. Penyebaran Premium Automatik

“Penyebaran Premium Automatik” ialah ciri pilihan untuk mengurangkan kesan turun naik pasaran bagi mendapatkan pulangan jangka panjang yang lebih stabil daripada Akaun Indeks berbanding melabur sepenuhnya dalam satu atau beberapa Segmen.

Apabila memilih Penyebaran Premium Automatik

Premium Bersih yang diperuntukkan pada Akaun Indeks dan sebarang amaun yang akan dipindahkan dari Akaun Tetap ke Akaun Indeks sebagai sebahagian daripada Peruntukan Semula Akaun (seperti ditakrifkan dalam seksyen “Peruntukan Semula Akaun” di bawah permohonan “Pindaan Polisi”) akan disimpan terlebih dahulu dalam Akaun Pegangan dan dipindahkan beransur-ansur dalam Akaun Indeks bagi mewujudkan sehingga dua belas (12) Segmen -1 tahun baharu secara ansuran bulanan (“Amaun Penyebaran Premium”) pada Tarikh Permulaan Segmen yang berkenaan, dalam tempoh sehingga dua belas (12) bulan berturut-turut (“Tempoh Penyebaran Premium”), sehingga nilai dalam Akaun Pegangan menjadi sifar.

Amaun pindahan bulanan pertama (1) hingga kesebelas (ke-11) adalah bersamaan satu per dua belas daripada amaun yang diperuntukkan dalam Akaun Pegangan; dan amaun pendahan bulanan kedua belas (ke-12) adalah bersamaan baki amaun dalam Akaun Pegangan sekiranya tiada Tempoh Penyebaran Premium belum diselesaikan. Amaun pindahan bulanan terakhir dan Tempoh Penyebaran Premium mungkin dikurangkan disebabkan penarikan balik sebahagian, penolakan dan/atau pindaan polisi.

Setiap Premium Bersih baharu yang diagihkan pada Akaun Indeks dan sebarang amaun yang perlu dipindahkan pada Akaun Indeks bagi permohonan Akaun Peruntukan Semula akan disimpan terlebih dahulu dalam Akaun Pegangan, kemudian dipindahkan beransur-ansur bagi mewujudkan Amaun Penyebaran Premium dan Tempoh Penyebaran Premium baharu yang tidak bergantung pada sebarang Amaun Penyebaran Premium dan Tempoh Penyebaran Premium sedia ada.

Tempoh Penyebaran Premium bagi Premium Bersih yang diterima dalam bulan kalendar yang sama dengan tarikh keluaran polisi akan bermula pada Tarikh Permulaan Segmen dalam bulan kalendar berikutnya. Dalam bulan yang berikutnya, sebarang Premium Bersih yang diterima (seperti Premium Sasaran berikutnya dan/atau Penambahan Premium Tunggal) dan sebarang amaun yang dipindahkan dari Akaun Tetap ke Akaun Indeks (sebagai sebahagian daripada permohonan Akaun Peruntukan Semula) dan sebelum tarikh terkunci (empat (4) hari bekerja sebelum Tarikh Permulaan Segmen), Tempoh Penyebaran Premium akan bermula pada Tarikh Permulaan Segmen dalam bulan kalendar yang sama. Jika amaun tersebut diterima dan/atau dipindahkan pada atau selepas tarikh terkunci, Tempoh Penyebaran Premium akan bermula pada Tarikh Permulaan Segmen dalam kalendar berikutnya.

Apabila tidak memilih Penyebaran Premium Automatik

Premium Bersih yang diagihkan pada Akaun Indeks dan sebarang amaun yang dipindahkan dari Akaun Tetap ke Akaun Indeks akan disimpan terlebih dahulu dalam Akaun Pegangan sehingga dipindahkan ke Akaun Indeks pada Tarikh Permulaan Segmen yang berkenaan bagi mewujudkan Segmen 1-tahun baharu.

4. Penambahan Premium Tunggal

Tertakluk pada kelulusan Pihak Kami, anda boleh membayar penambahan premium tunggal jika jumlah Premium Sasaran telah diterima sepenuhnya oleh Kami.

Jumlah asurans asas tidak akan meningkat walaupun sebarang penambahan premium tunggal telah diterima.

Nilai Akaun dan Kadar Pengkreditan**1. Nilai Akaun**

Nilai Akaun ialah jumlah nilai semasa dalam Akaun Tetap, Akaun Pegangan dan Akaun Indeks. Ia merupakan pengumpulan semua premium yang telah dibayar bersama faedah yang dikreditkan, ditolak amaun bagi caj, penolakan dan sebarang penarikan balik sebahagian yang berkenaan.

Akaun Tetap

Nilai Akaun Tetap pada tarikh Kami mengeluarkan polisi ialah Premium Bersih yang diagihkannya pada Akaun Tetap, ditolak sebarang Penolakan Bulanan.

Seterusnya, nilai Akaun Tetap pada sebarang tarikh akan ditentukan dengan pengumpulan nilai Akaun Tetap dari hari sebelumnya, berdasarkan pengiraan berikut:

- (a) Peningkatan nilai disebabkan mana-mana perkara berikut (jika berkenaan):
- Premium Bersih yang diagihkan pada Akaun Tetap;
 - pindahan dari Akaun Indeks atau Akaun Pegangan disebabkan Peruntukan Semula Akaun;
 - faedah yang diperoleh daripada kadar pengkreditan Akaun Tetap semasa;
 - faedah yang diperoleh daripada kadar pengkreditan kesetiaan.
- (b) Pengurangan nilai disebabkan mana-mana perkara berikut (jika berkenaan):
- caj insurans;
 - yuran polisi;
 - penarikan balik sebahagian (termasuk caj penarikan balik sebahagian);
 - pindahan pada Akaun Pegangan disebabkan Peruntukan Semula Akaun;
 - sebahagian amaun yang dikurangkan disebabkan tuntutan manfaat penyakit terminal (membawa maut).

Akaun Pegangan

Akaun Pegangan digunakan untuk menyimpan semua Premium Bersih yang diagihkan pada Akaun Indeks sebelum Tarikh Permulaan Segmen yang berkenaan. Amaun dalam Akaun Pegangan akan memperoleh faedah yang sama seperti kadar pengkreditan semasa bagi Akaun Tetap. Kecuali Premium Bersih yang diterima dalam bulan kalendar yang sama dengan tarikh keluaran polisi, Premium Bersih mestilah diterima sekurang-kurangnya empat (4) hari perniagaan sebelum Tarikh Permulaan Segmen. Jika tidak, ia akan disimpan dalam Akaun Pegangan sehingga Tarikh Permulaan Segmen pada bulan berikutnya. Nilai Akaun Pegangan pada tarikh Kami mengeluarkan polisi ialah Premium Bersih yang diagihkan pada Akaun Indeks ditolak sebarang Penolakan Bulanan. Seterusnya, nilai Akaun Pegangan pada mana-mana tarikh akan ditentukan dengan pengumpulan nilai Akaun Pegangan dari hari sebelumnya, berdasarkan pengiraan berikut:

- (a) Peningkatan nilai disebabkan mana-mana perkara berikut (jika berkenaan):
- Premium Bersih yang diagihkan pada Akaun Indeks;
 - pindahan dari Akaun Tetap disebabkan Peruntukan Semula Akaun;
 - faedah yang diperoleh daripada kadar pengkreditan Akaun Tetap semasa;
 - faedah yang diperoleh daripada kadar pengkreditan kesetiaan.

- (b) Pengurangan nilai disebabkan mana-mana perkara berikut (jika berkenaan):
- caj insurans;
 - yuran polisi;
 - penarikan balik sebahagian (termasuk caj penarikan balik sebahagian);
 - pindahan pada Akaun Tetap disebabkan Peruntukan Semula Akaun;
 - pindahan bagi mewujudkan Segmen pada Tarikh Permulaan Segmen yang berkenaan;
 - sebahagian amaun yang dikurangkan disebabkan tuntutan manfaat penyakit terminal (membawa maut).

Akaun Indeks

Akaun Indeks terdiri daripada satu atau lebih Segmen. Premium Bersih yang diagihkan pada Akaun Indeks akan disimpan terlebih dahulu dalam Akaun Pegangan dan kemudiannya dipindahkan pada Akaun Indeks bagi mewujudkan Segmen baharu pada Tarikh Permulaan Segmen yang berkenaan.

Bagi Premium Bersih yang diterima dalam bulan kalendar yang sama dengan tarikh keluaran polisi, amaun tersebut akan dipindahkan pada Tarikh Permulaan Segmen dalam bulan kalendar berikutnya bagi mewujudkan Segmen baharu. Bagi sebarang Premium Bersih yang diterima dalam bulan berikutnya, seperti penambahan premium tunggal sebelum tarikh terkunci (empat (4) hari perniagaan sebelum Tarikh Permulaan Segmen), amaun tersebut akan dipindahkan pada Tarikh Permulaan Segmen dalam bulan kalendar yang sama bagi mewujudkan Segmen baharu. Bagi Premium Bersih yang diterima dalam bulan berikutnya pada atau selepas tarikh terkunci, amaun tersebut akan dipindahkan pada Tarikh Permulaan Segmen dalam bulan kalendar berikutnya bagi mewujudkan Segmen baharu. Bergantung pada pilihan ciri Penyebaran Premium Automatik, pindahan boleh dibuat secara sekaligus atau berperingkat bagi mewujudkan Segmen baharu.

Pada setiap Tarikh Matang Segmen, faedah (jika ada) berdasarkan kadar pengkreditan Akaun Indeks, akan dikreditkan pada baki Segmen dan ia akan membentuk hasil segmen ("Hasil Segmen"). Hasil Segmen akan diperuntukkan sepenuhnya dan dipindahkan secara automatik ke Segmen lain pada Tarikh Permulaan Segmen seterusnya yang tersedia, melainkan terdapat permohonan Peruntukan Semula Akaun sebelumnya. (Sila rujuk seksyen "Peruntukan Semula Akaun" bagi "Pindaan Polisi" untuk maklumat lanjut.)

Jika Tarikh Permulaan Segmen ditangguhkan, amaun tersebut akan disimpan dalam Akaun Pegangan sehingga Segmen baharu diwujudkan. Nilai Akaun Indeks pada sebarang tarikh akan ditentukan dengan pengumpulan nilai Akaun Indeks dari hari sebelumnya berdasarkan pengiraan berikut:

- (a) Peningkatan nilai disebabkan mana-mana perkara berikut (jika berkenaan):
- pindahan pada Akaun Indeks dari Akaun Pegangan;
 - faedah yang diperoleh daripada kadar pengkreditan Akaun Indeks semasa pada Tarikh Matang Segmen;
 - faedah yang diperoleh daripada kadar pengkreditan kesetiaan pada Tarikh Matang Segmen;
- (b) Pengurangan nilai disebabkan mana-mana perkara berikut (jika berkenaan):
- caj insurans;
 - yuran polisi;
 - penarikan balik sebahagian (termasuk caj penarikan balik sebahagian);
 - pindahan pada Akaun Tetap disebabkan Peruntukan Semula Akaun pada Tarikh Matang Segmen;
 - sebahagian amaun yang dikurangkan disebabkan tuntutan manfaat penyakit terminal (membawa maut).

Kami berhak menyingkirkan atau menggantikan indeks sandaran dengan indeks lain dan memberi notis sekurang-kurangnya satu (1) bulan kepada Pemegang Polisi jika:

- indeks dihentikan;
- indeks tidak lagi tersedia;
- pengiraan indeks berubah secara ketara; atau
- indeks tidak digunakan lagi atas apa jua sebab seperti ditentukan Kami.

Sekiranya Kami memutuskan untuk menyingkirkan indeks tanpa indeks gantian, Kami akan memindahkan jumlah keseluruhan dalam Akaun Indeks ke Akaun Tetap. Segmen yang belum matang

akan kekal sehingga Tarikh Matang Segmen, seterusnya Hasil Segmen akan dipindahkan ke Akaun Tetap.

Sekiranya Kami memutuskan untuk menggantikan indeks dengan indeks lain, Kami akan memperuntukkan semula amaun dalam setiap Segmen sedia ada bagi mewujudkan Segmen baharu berdasarkan indeks lain. Segmen yang belum matang akan kekal sehingga Tarikh Matang Segmen, seterusnya Hasil Segmen akan dipindahkan untuk membentuk Segmen baharu berdasarkan indeks baharu pada Tarikh Permulaan Segmen yang berkenaan.

2. Kadar Pengkreditan

Kadar pengkreditan Akaun Tetap

Bermula dari tarikh Kami mengeluarkan polisi, Akaun Tetap dan Akaun Pegangan akan mempunyai faedah terakru pada kadar pengkreditan harian Akaun Tetap dan amaun faedah akan dikreditkan pada akhir setiap bulan polisi.

Kadar pengkreditan Akaun Tetap sebanyak 4.20% setahun adalah tetap dan dijamin bagi tempoh satu (1) tahun dari tarikh Kami mengeluarkan polisi. Bagi tahun berikutnya, kadar pengkreditan Akaun Tetap akan ditentukan Kami dan sekurang-kurangnya sebanyak 2.00% setahun.

Sebarang semakan semula kadar pengkreditan akan berkuat kuasa pada hari perniagaan pertama (1) bagi bulan berikutnya selepas Pihak Kami membuat keputusan bagi semakan semula kadar pengkreditan.

Sila rujuk ilustrasi manfaat bagi kadar pengkreditan dijamin dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh ilustrasi manfaat.

Kadar pengkreditan Akaun Indeks

100% daripada Akaun Indeks mengukur prestasi Indeks S&P 500. Akaun Indeks akan memperoleh faedah berdasarkan prestasi Indeks S&P 500 melalui derivatif sepanjang tempoh segmen pada Tarikh Matang Segmen. Tiada faedah akan dikreditkan pada Segmen jika polisi ditamatkan sebelum Tarikh Matang Segmen yang berkaitan.

Kadar pengkreditan Akaun Indeks bagi segmen dikira berdasarkan perkara berikut, tertakluk pada kadar rantai segmen dan kadar siling segmen yang berkenaan:

$$\frac{\text{Nilai penutup indeks pada Tarikh Matang Segmen} - \text{Nilai penutup hari urus niaga serta - merta sebelum Tarikh Permulaan Segmen}}{\text{Nilai penutup hari urus niaga serta - merta sebelum Tarikh Permulaan Segmen}}$$

Nilai penutup merujuk pada nilai indeks pada akhir hari urus niaga.

Kadar rantai segmen adalah 0.00% setahun. Kadar siling segmen merujuk pada kadar maksimum yang digunakan untuk menentukan faedah yang dikreditkan bagi setiap Segmen sebelum kadar pengkreditan kesetiaan digunakan. Kadar siling segmen mungkin berbeza bagi setiap Segmen tetapi ia tidak akan turun di bawah kadar minimum siling segmen sebanyak 3.00% setahun.

Kami akan menentukan kadar siling segmen selewat-lewatnya empat (4) hari perniagaan sebelum Tarikh Permulaan Segmen. Setelah ditetapkan, kadar tersebut tidak akan berubah sepanjang tempoh segmen. Sila rujuk ilustrasi polisi bagi kadar siling segmen semasa.

Kadar pengkreditan kesetiaan

Kadar pengkreditan kesetiaan akan diberi pada kadar pengkreditan Akaun Tetap dan Akaun Indeks semasa bermula dari tahun polisi ke sebelas (ke-11), dengan syarat jumlah Premium Sasaran telah diterima sepenuhnya oleh Kami. Kadar pengkreditan kesetiaan dijamin pada kadar 0.35% setahun.

Jika sebarang Segmen bermula sebelum tahun polisi ke sebelas (ke-11), kadar pengkreditan kesetiaan akan berkadar mengikut bilangan hari yang tinggal dalam Segmen tersebut.

Untuk ilustrasi: Jika suatu Segmen bermula tujuh (7) bulan sebelum tahun polisi ke sebelas (ke-11) bermula, Segmen tersebut akan menerima kadar pengkreditan kesetiaan bagi baki lima (5) bulan sehingga tempoh segmen ini tamat.

Yuran dan Caj

1. Caj Premium

Kami akan menolak caj premium yang dikenakan daripada:

- (a) setiap Premium Sasaran yang diterima; dan
- (b) sebarang Penambahan Premium Tunggal yang diterima.

Caj premium ditentukan dengan mendarabkan peratusan yang ditunjukkan di bawah, dengan setiap premium yang berkaitan telah diterima.

Jenis Premium	Caj Premium (Peratusan bagi setiap Premium Sasaran yang diterima, sama ada secara penuh atau sebahagian)
Setiap Premium Sasaran yang Diterima (sama ada secara penuh atau sebahagian)	Premium Sasaran Pertama: 8.00%
	Premium Sasaran ke-2 : 8.00%
	Premium Sasaran ke-3 -: 8.00%
	Premium Sasaran ke-4: 8.00%
	Premium Sasaran ke-5: 8.00%
	Premium Sasaran ke-6 : 5.00%
	Premium Sasaran ke-7: 5.00%
	Premium Sasaran ke-8: 5.00%
	Premium Sasaran ke-9: 5.00%
	Premium Sasaran ke-10: 5.00%
Penambahan Premium Tunggal	8.00%

Caj premium tidak dijamin dan tertakluk pada perubahan.

2. Yuran Polisi

Kami akan menolak yuran polisi secara bulanan pada permulaan setiap bulan polisi berdasarkan umur kemasukan Hayat yang Diasuranskan, kelas taja jamin, negara tempat tinggal dan status merokok. Penolakan ini akan bermula dari tarikh permulaan polisi sehingga akhir tahun polisi kelima belas (ke-15).

Yuran polisi akan ditolak secara berkadar dengan nilai Akaun Tetap, Akaun Indeks dan Akaun Pegangan (jika dikenakan) pada permulaan bulan polisi yang berkaitan.

Yuran polisi tidak dijamin dan tertakluk pada perubahan. Ia tidak akan melebihi yuran polisi maksimum seperti dinyatakan dalam kontrak polisi. Bagi mengelakkan keraguan, yuran polisi maksimum yang dinyatakan tidak akan melebihi 110% daripada yuran polisi semasa.

3. Caj Insurans

Kami akan menolak caj insurans secara bulanan berdasarkan jumlah asurans bersih pada permulaan setiap bulan polisi. Jumlah asurans bersih merujuk pada amaun apabila jumlah asurans asas melebihi Nilai Akaun.

Caj insurans akan meningkat mengikut umur hari jadi terakhir dan berbeza mengikut jantina, kelas taja jamin, status merokok, sebarang beban dan negara tempat tinggal Hayat yang Diasuranskan.

Caj insurans akan ditolak secara berkadar dengan nilai Akaun Tetap, Akaun Indeks dan Akaun Pegangan (jika dikenakan) pada permulaan bulan polisi yang berkaitan.

Caj insurans bagi pelan ini tidak dijamin dan tertakluk pada perubahan. Ia tidak akan melebihi caj insurans maksimum seperti dinyatakan dalam kontrak polisi. Bagi mengelakkan keraguan, caj insurans maksimum tidak akan melebihi 110% daripada caj insurans semasa.

4. Adakah yuran dan caj dijamin?

Yuran dan caj tidak dijamin dan Kami boleh mengubahnya dengan memberikan anda notis satu (1) bulan sebelum perubahan tersebut berkuat kuasa.

Pinjaman Polisi

1. Pinjaman

Pinjaman tersedia selepas polisi berkuat kuasa selama satu (1) tahun, dengan syarat terdapat Nilai Akaun yang positif. Amaun yang tersedia untuk pinjaman tertakluk pada kelulusan Pihak Kami. Permohonan pinjaman mestilah dibuat secara bertulis. Pinjaman mungkin akan memberi kesan terhadap Nilai Akaun, Nilai Serahan Bersih, manfaat kematian dan penyakit terminal (membawa maut).

Pindaan Polisi

1. Penukaran Hayat yang Diasuranskan

Anda boleh memohon untuk menukar Hayat yang Diasuranskan selepas dua (2) tahun dari tarikh Kami mengeluarkan polisi, selagi polisi masih berkuat kuasa, tertakluk pada kelulusan Pihak Kami dengan syarat:

- (a) penerimaan cadangan Hayat yang Diasuranskan baharu tertakluk pada penerimaan Pihak Kami dan kebolehsurans Hayat yang Diasuranskan baharu tersebut; dan
- (b) caj pentadbiran mungkin dikenakan bagi setiap penukaran Hayat yang Diasuranskan dibuat; dan
- (c) caj insurans, yuran polisi, caj penarikan balik sebahagian dan caj serahan akan berdasarkan umur kemasukan, negara tempat tinggal, jantina, status merokok dan kelas taja jamin Hayat yang Diasuranskan baharu pada tarikh penukaran Hayat yang Diasuranskan.

Bagi mengelakkan keraguan, 'Tidak Boleh Dipertikaikan' dan fasal kecil bagi bunuh diri di bawah fasal 'Pengecualian bagi Manfaat Kematian' dalam kontrak polisi akan bermula semula dari tarikh penukaran Hayat yang Diasuranskan berkuat kuasa.

Jaminan tidak luput akan dihentikan selepas penukaran Hayat yang Diasuranskan berjaya.

Sehingga dua (2) kali penukaran Hayat yang Diasuranskan boleh dibuat di bawah polisi ini. Jika pemegang polisi bagi polisi ini merupakan sebuah syarikat, pemegang polisi boleh memohon untuk menukar Hayat yang Diasuranskan tanpa had bilangan penukaran.

2. Penukaran Pengagihan Premium

Anda boleh memohon untuk menukar peratusan pengagihan premium selepas dua (2) tahun dari tarikh Kami mengeluarkan polisi dan sebelum anda mencapai umur 100 tahun.

Sebarang permohonan untuk penukaran pengagihan premium tertakluk pada kelulusan pihak Kami. Pengagihan premium yang telah disemak semula akan digunakan pada sebarang Premium Bersih yang diterima pada masa hadapan.

3. Penukaran Penyebaran Premium Automatik

Anda boleh memohon untuk menukar arahan tetap bagi ciri ini (sama ada memilih atau tidak memilih Penyebaran Premium Automatik) selepas satu (1) tahun dari tarikh Kami mengeluarkan polisi.

Sebarang permohonan penukaran Penyebaran Premium Automatik tertakluk pada kelulusan pihak Kami. Penukaran akan digunakan bagi sebarang Premium Bersih yang diagihkan pada Akaun Indeks masa hadapan.

4. Peruntukan Semula Akaun

Anda boleh memohon untuk memperuntukkan semula atau mengimbangi semula nilai yang disimpan dalam Akaun Tetap dan Akaun Indeks mengikut bahagian pilihan anda atau berdasarkan pengagihan premium terakhir yang diarahkan, selepas dua (2) tahun dari tarikh Kami mengeluarkan polisi dan

sebelum anda mencapai umur 100 tahun ("Peruntukan Semula Akaun"). Sebarang permohonan Peruntukan Semula Akaun tertakluk pada kelulusan Pihak Kami.

Jika nilai Akaun Tetap melebihi Nilai Akaun Tetap Sasaran, Kami akan memindahkan amaun lebih ke Akaun Pegangan. Dari situ, ia akan dipindahkan ke Akaun Indeks bagi mewujudkan Segmen baharu pada Tarikh Permulaan Segmen seterusnya yang berkenaan.

Jika nilai Akaun Tetap kurang daripada Nilai Akaun Tetap Sasaran, amaun yang diperlukan dari Akaun Pegangan akan dipindahkan ke Akaun Tetap. Jika amaun yang diperlukan dalam Akaun Pegangan tidak mencukupi bagi memenuhi Nilai Akaun Tetap Sasaran, Kami akan memindahkan Hasil Segmen masa hadapan sama ada sebahagian atau sepenuhnya pada Tarikh Matang Segmen masing-masing pada Akaun Tetap sehingga dua belas (12) bulan berturut-turut ("Tempoh Peruntukan Semula") dari tarikh kelulusan permohonan Peruntukan Semula Akaun.

Tempoh Peruntukan Semula akan tamat serta-merta apabila nilai Akaun Tetap mencapai Nilai Akaun Tetap Sasaran atau pada hari terakhir tempoh dua belas (12) bulan tersebut, tanpa mengira sama ada Nilai Akaun Tetap Sasaran telah dicapai atau tidak. Sebarang Premium Bersih yang diagihkan pada Akaun Tetap semasa Tempoh Peruntukan Semula tidak akan menjejaskan Nilai Akaun Tetap Sasaran.

"Nilai Akaun Tetap Sasaran" dikira dengan mendarabkan Nilai Akaun dengan peruntukan peratusan yang diinginkan untuk Akaun Tetap seperti pilihan anda.

5. Semakan Semula Jumlah Asurans Asas

Anda boleh memilih untuk mengurangkan jumlah asurans asas semasa tempoh polisi ini. Namun, baki jumlah asurans asas tidak boleh kurang daripada jumlah asurans minimum. Pengurangan jumlah asurans asas boleh dilakukan melalui penarikan balik sebahagian.

Peningkatan jumlah asurans asas tidak dibenarkan.

Risiko Polisi Ini

1. Apakah akan berlaku jika anda menyerahkan polisi lebih awal?

Jika anda menyerahkan polisi selepas tempoh memerhati bebas, anda mungkin kehilangan sebahagian atau semua premium yang telah dibayar. Ia kerana Nilai Serahan Bersih yang anda terima, jika ada, mungkin kurang daripada premium keseluruhan yang telah dibayar.

Pembelian polisi baharu mungkin memerlukan Kami untuk menilai semula kesihatan dan keadaan Hayat yang Diasuranskan, dan ia boleh menyebabkan premium yang lebih tinggi dan/atau pengecualian manfaat disebabkan umur dan status kesihatan.

2. Apakah senario terburuk jika anda menyerahkan polisi lebih awal?

Tiada perlindungan akan diberi jika anda menyerahkan polisi lebih awal dan anda mungkin hilang sebahagian atau semua premium anda. Ilustrasi amaun yang anda terima akan ditunjukkan pada lajur nilai serahan dalam ilustrasi manfaat.

3. Apakah yang berlaku jika polisi anda luput?

Tiada perlindungan akan diberi jika polisi anda luput.

Namun, penguatkuasaan semula polisi dibenarkan dalam tempoh tiga (3) tahun dari tarikh polisi luput dan tertakluk pada syarat penguatkuasaan semula dan kelulusan pihak Kami. Selepas penguatkuasaan semula dan jika terdapat semakan semula kadar, kadar yang disemak semula akan ditunjukkan pada tarikh penguatkuasaan semula atau ulang tahun polisi berikutnya, mana yang kemudian.

4. Apakah senario terburuk yang mungkin berlaku semasa tempoh polisi?

Polisi anda mungkin luput lebih awal daripada ditunjukkan dalam ilustrasi manfaat (nilai dikira berdasarkan kadar tidak dijamin) jika:

- (a) Nilai Serahan Minimum sebelum ditolak caj serahan; dan
- (b) Nilai Akaun

tidak mencukupi untuk membayar yuran, caj dan/atau sebarang tunggakan hutang di bawah polisi anda.

Sebab bagi keadaan ini boleh berlaku termasuk:

- (a) kadar pengkreditan sebenar mungkin lebih rendah daripada kadar pengkreditan yang digunakan untuk ilustrasi nilai polisi seperti ditunjukkan dalam ilustrasi manfaat anda; dan/atau
- (b) jika anda telah membuat pinjaman bagi polisi anda dan jumlah tunggakan hutang kepada Kami melebihi nilai serahan polisi anda; dan/atau
- (c) apabila caj insurans meningkat; dan/atau
- (d) apabila yuran polisi meningkat; dan/atau
- (e) jika anda membuat penarikan balik sebahagian.

Pengagihan premium sebenar, amaun premium dan jenis pembayaran premium akan mempengaruhi ilustrasi Nilai Akaun. Sekiranya sebarang keadaan di atas berlaku, anda mungkin perlu membayar premium tambahan bagi memastikan polisi anda kekal berkuat kuasa.

5. Apakah risiko jika kami menolak tuntutan anda?

Tuntutan mestilah memenuhi terma seperti dinyatakan dalam kontrak polisi sebelum Kami boleh meluluskan tuntutan. Kami mungkin akan menolak tuntutan anda jika Hayat yang Diasuranskan mempunyai keadaan sedia ada dan:

- tidak mengisytiharkannya dalam borang cadangan seperti diperlukan bagi polisi baharu; atau
- tidak mengisytiharkannya dalam borang penguatkuasaan semula seperti diperlukan bagi penguatkuasaan semula (jika berkenaan).

6. Apakah risiko bagi pelan universal life?

Pelan ini dalam nilai mata wang dolar AS. Anda hendaklah mengetahui bahawa jika dolar AS bukan mata wang negara asal anda, anda akan terdedah pada risiko turun naik kadar tukaran mata wang asing antara masa pembelian polisi dan masa manfaat polisi dibayar.

Nilai Akaun di bawah polisi anda akan berubah mengikut kadar pengkreditan masa hadapan serta sebarang yuran dan caj yang dikenakan. Kadar pengkreditan sebenar yang dikenakan pada polisi anda mungkin lebih rendah atau lebih tinggi daripada kadar pengkreditan tidak dijamin yang digunakan dalam ilustrasi manfaat. Namun, kadar pengkreditan Akaun Tetap dan kadar pengkreditan Akaun Indeks sebenar tidak akan lebih rendah daripada kadar pengkreditan dijamin dan kadar rantai segmen masing-masing.

7. Bilakah polisi anda akan ditamatkan?

Polisi anda akan tamat pada sebarang keadaan berikut, mana yang lebih awal:

- (a) apabila Hayat yang Diasuranskan meninggal dunia;
- (b) apabila Hayat yang Diasuranskan didiagnosis dengan penyakit terminal (membawa maut) dan manfaat kematian telah dibayar sepenuhnya akibat tuntutan manfaat penyakit terminal (membawa maut); atau
- (c) apabila polisi luput, diserahkan atau ditamatkan atas sebab lain.

Jika polisi ditamatkan sebelum sebarang Tarikh Matang Segmen, tiada faedah akan dikreditkan pada Segmen.

8. Apakah yang berlaku jika anda mempunyai pinjaman atau tunggakan hutang?

Kami akan menggunakan sebarang amaun yang perlu dibayar di bawah polisi terlebih dahulu untuk menolak sebarang pinjaman polisi dan/atau tunggakan hutang sebelum baki amaun dibayar.

9. Apakah tempoh memerhati bebas?

Selepas membeli polisi insurans hayat, anda mempunyai tempoh memerhati bebas selama empat belas (14) hari bermula dari hari anda menerima dokumen polisi untuk meneliti dokumen. Semasa tempoh ini, jika anda memilih untuk membatalkan polisi, Kami akan membayar balik premium yang telah dibayar, ditolak sebarang yuran perubatan dan perbelanjaan lain seperti pemeriksaan kesihatan dan laporan perubatan yang ditanggung oleh Kami.

Jika dokumen polisi anda dihantar melalui pos, Kami akan menganggap ia telah dihantar dan diterima tujuh (7) hari selepas tarikh penghantaran.

10. Maklumat Am

Ringkasan produk ini untuk maklumat am sahaja. Ia bukan suatu kontrak insurans. Terma dan syarat terperinci bagi pelan insurans ini seperti dinyatakan dalam kontrak polisi.

Anda bertanggungjawab untuk memastikan maklumat yang tepat dan lengkap diberi kepada Kami:

- (a) dalam sebarang permohonan polisi; dan
- (b) semasa membuat sebarang tuntutan di bawah polisi.

Anda boleh menghubungi wakil kewangan anda untuk maklumat lanjut berkenaan prosedur penarikan balik, penyerahan atau tuntutan di bawah polisi anda. Anda juga boleh melayari laman sesawang Great Eastern untuk maklumat berkenaan cara membuat tuntutan.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Penafian Indeks

S&P 500 ialah produk milik S&P Dow Jones Indices LLC atau sekutunya ("SPDJI") dan S&P Global dan dilesenkan untuk kegunaan Great Eastern Labuan Company Limited ("Syarikat"). S&P®, S&P 500®, US 500 dan The 500 adalah tanda dagangan milik S&P Global, Inc. atau sekutunya ("S&P"); Dow Jones® adalah tanda dagangan berdaftar milik Dow Jones Trademark Holdings LLC ("Dow Jones"); S&P® dan S&P 500® adalah tanda dagangan milik S&P Global dan tanda dagangan ini telah dilesenkan untuk kegunaan SPDJI dan dilesenkan semula bagi tujuan tertentu Syarikat. Pelaburan secara langsung dalam indeks adalah mustahil. Prestige Heritage Index ("Produk") tidak ditaja, disokong, dijual atau dipromosikan SPDJI, Dow Jones, S&P, mana-mana sekutu mereka (secara kolektif, "S&P Dow Jones Indices") atau S&P Global. S&P Dow Jones Indices dan S&P Global tidak membuat sebarang pernyataan atau waranti, secara nyata atau tersirat, kepada pemilik Prestige Heritage Index atau mana-mana pihak awam berkenaan kesesuaian pelaburan dalam sekuriti secara umum atau Prestige Heritage Index secara khusus atau kebolehan S&P 500 untuk mengukur prestasi pasaran secara umum. Prestasi lepas indeks bukan petunjuk atau menjamin keputusan masa depan. Perhubungan antara S&P Dow Jones Indices' dan S&P Global dengan Syarikat berkaitan S&P 500 hanya dalam bentuk pelesenan Indeks dan tanda dagangan tertentu, tanda perkhidmatan dan/atau nama dagangan milik S&P Dow Jones Indices dan/atau pemberi lesennya. S&P 500 ditentukan, digubah dan dikira oleh S&P Dow Jones Indices atau S&P Global tanpa mengambil kira Syarikat atau pemilik Prestige Heritage Index. S&P Dow Jones Indices dan S&P Global tiada kewajiban untuk mengambil kira keperluan Syarikat atau pemilik Prestige Heritage Index dalam menentukan, mengubah atau mengira S&P 500. S&P Dow Jones Indices dan S&P Global tiada kewajiban atau tanggungjawab dalam pentadbiran, pemasaran atau perdagangan Prestige Heritage Index. Tiada jaminan bahawa produk pelaburan berdasarkan S&P 500 akan mengukur prestasi indeks dengan tepat atau memberi pulangan pelaburan positif. S&P Dow Jones Indices LLC bukan penasihat pelaburan, penasihat perdagangan komoditi, pengendali kumpulan komoditi, pengantara dagangan, pemegang amanah, penganjur (seperti dinyatakan dalam Akta Syarikat Pelaburan 1940, seperti dipinda), "pakar" seperti bernombor antara 15 U.S.C. § 77k(a) atau penasihat cukai. Penyertaan sekuriti, komoditi, mata wang kripto atau aset lain dalam indeks bukan disyorkan S&P Dow Jones Indices untuk membeli, menjual atau menyimpan sekuriti, komoditi, mata wang kripto atau aset lain dan tidak dianggap sebagai nasihat pelaburan atau perdagangan komoditi.

S&P DOW JONES INDICES ATAU S&P GLOBAL TIDAK MENJAMIN KECUKUPAN, KETEPATAN, KETEPATAN MASA DAN/ATAU KELENGKAPAN S&P 500 ATAU SEBARANG DATA BERKAITAN ATAU SEBARANG KOMUNIKASI, TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD PADA KOMUNIKASI LISAN ATAU BERTULIS (TERMASUK KOMUNIKASI ELEKTRONIK) YANG BERKENAAN. S&P DOW JONES INDICES DAN S&P GLOBAL TIDAK TERTAKLUK PADA SEBARANG KEROSAKAN ATAU TANGGUNGJAWAB BAGI SEBARANG KESILAPAN, KECUAIAN ATAU KELEWATAN. S&P DOW JONES INDICES DAN S&P GLOBAL TIDAK MEMBUAT PERNYATAAN ATAU MEMBERI WARANTI DAN SECARA KHUSUS MENAFIKAN SEMUA WARANTI, BERKAITAN KEBOLEHDAGANGAN ATAU KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU ATAU KEGUNAAN ATAU KEPUTUSAN YANG AKAN DIPEROLEH SYARIKAT, PEMILIK PRESTIGE HERITAGE INDEX ATAU MANA-MANA INDIVIDU ATAU ENTITI DARIPADA PENGGUNAAN S&P 500 ATAU DATA BERKAITAN. TANPA MENGEHADKAN SEBARANG PERKARA DI ATAS, S&P DOW JONES INDICES ATAU S&P GLOBAL TIDAK BERTANGGUNGJAWAB BAGI SEBARANG KEROSAKAN TIDAK LANGSUNG, ISTIMEWA, SAMPINGAN, BERSIFAT HUKUMAN ATAU BERTURUTAN TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD PADA KERUGIAN KEUNTUNGAN, KERUGIAN PERDAGANGAN, KERUGIAN MASA ATAU REPUTASI, WALAUPUN MEREKA TELAH DINASIHATKAN BERKENAAN KEMUNGKINAN KEROSAKAN TERSEBUT, SAMA ADA DALAM KONTRAK, KESALAHAN SIVIL, LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA. S&P DOW JONES INDICES TIDAK MENYEMAK, MENYEDIAKAN DAN/ATAU MENGESAHKAN MANA-MANA BAHAGIAN, SERTA S&P DOW JONES INDICES TIDAK MEMPUNYAI SEBARANG KAWALAN TERHADAP PERNYATAAN PENDAFTARAN PRODUK, PROSPEKTUS ATAU BAHAN TAWARAN LAIN MILIK PEMEGANG LESEN. TIADA PIHAK KETIGA YANG MENDAPAT MANFAAT BAGI SEBARANG PERJANJIAN ATAU PENYEDIAAN ANTARA S&P DOW JONES INDICES DAN SYARIKAT, SELAIN PEMBERI LESEN S&P DOW JONES INDICES.